



RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.  
TARIKH : **2 September 2025**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Negeri Sarawak) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**.

### **1. Penolong Pegawai Tadbir, Gred N5 (JBC) – 2 Kekosongan**

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui sistem e-recruitment di <http://erecruitment.sarawak.gov.my>.

Calon – calon **WAJIB** memuatnaik salinan dokumen – dokumen seperti berikut di bahagian 'Muat Naik Dokumen' dalam sistem e-recruitment: -

1. Kad Pengenalan (depan & belakang);
2. Sijil UPSR, PMR dan SPM;
3. Sijil Kemahiran (mana berkaitan)
4. Sijil Diploma & Transkrip Akademik / STPM / Matrikulasi (mana berkaitan);
5. Sijil Ijazah Sarjana Muda & Transkrip Akademik (jika berkaitan); dan
6. Lesen Memandu yang sah laku (untuk jawatan Pemandu sahaja)

Sila pastikan semua dokumen yang dimuatnaik adalah jelas.

Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi.

Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh Tutup Permohonan: **18 September 2025**

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir  
Kekosongan : Dua (2) jawatan  
Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman  
Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan  
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**  
**RM1,650.00 – RM6,620.00**

(b) Syarat Lantikan : **Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -**

i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan: RM1,650.00); atau

ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan: RM1,650.00); atau

iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan: RM1,650.00); atau

iv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan: RM1,893.00) dan

v. **Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu** (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(c) **Skop Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas melibatkan hal-hal perundangan, mengendalikan dokumen rasmi, menyelaras mesyuarat, menyediakan laporan dan membantu dalam pengurusan pentadbiran pejabat.